

03 APR 1999

Abdullah-Ekonomi

KERAJAAN BENTANG KERTAS PUTIH MENGENAI SITUASI EKONOMI SEMASA

Oleh: E. Sivabalan

KEPALA BATAS, 3 April (Bernama) -- Kerajaan akan membentangkan Kertas Putih mengenai situasi ekonomi semasa negara pada persidangan Dewan Rakyat yang bermula Isnin ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Bagaimanapun, Abdullah tidak memberi butir-butir lanjut mengenai Kertas Putih itu.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya sebelum mempengerusikan mesyuarat Umno cawangan Bertam di sini.

Abdullah berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga akan membentangkan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) pada persidangan itu untuk memaklumkan rakyat mengenai kejayaan RMK7 setakat ini.

Sementara itu, para penganalisis percaya bahawa Kertas Putih itu akan mengandungi dasar-dasar dan langkah-langkah kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara.

Antaranya ialah pelaksanaan kawalan modal pada 1 Sept tahun lepas dan program penyusunan semula bank yang melibatkan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan Danamodal Nasional Berhad.

Ahli-ahli ekonomi serantau telah menyatakan bahawa Malaysia sedang melalui arus pemulihan ekonomi dan ia adalah yang berisiko ekonomi makro yang rendah.

Tim Condon, ketua firma pelaburan global Morgan Stanley, baru-baru ini berkata ahli-ahli ekonomi percaya bahawa kebanyakan kesan daripada kegawatan dirasakan pada 1998 dan ekonomi Malaysia kini bersedia untuk dipulihkan.

Condon berkata Morgan Stanley sendiri menjangkakan ekonomi Malaysia akan tumbuh sebanyak 2 peratus pada 1999.

Bank Negara, dalam Laporan Tahunannya, berkata ia mengunjurkan pertumbuhan 1 peratus bagi ekonomi 1999 berbanding penguncupan 6.7 peratus pada tahun lepas.

Bank Negara juga mengumumkan beberapa langkah drastik untuk meningkatkan keberkesanan institusi perbankan tempatan termasuk meningkatkan pemeriksaan terhadap bank-bank termasuk cawangan.

Para penganalisis berkata langkah-langkah itu akan meningkatkan keyakinan pelabur terhadap institusi kewangan.

Selain itu agensi penarafan antarabangsa, Standard & Poor's, mengumumkan Khamis lepas bahawa kajian semulanya terhadap Malaysia mendapati keadaan ekonomi negara ini telah berubah kepada stabil daripada negatif.

Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang, yang menyambut baik pembentangan Kertas Putih itu, meminta Dr Mahathir supaya memastikan para Anggota Parlimen diberikan masa sekurang-kurangnya 48 jam untuk mengkaji dokumen itu sebelum dibahaskan di Parlimen.

Dalam satu kenyataan hari ini, Lim berkata perdana menteri dijadualkan membentangkan satu usul di Dewan Rakyat pada Selasa ini untuk memohon kelulusan Parliamen bagi dasar-dasar dan langkah-langkah pemulihan ekonomi yang akan digariskan dalam Kertas putih itu.

"Para Anggota Parlimen DAP akan mengkaji Kertas putih itu sebelum memutuskan menyokong usul perdana menteri bagi mendapatkan kelulusan Kertas Putih itu," akatanya.

Beliau berkata selepas perbahasan Kertas Putih itu pada Selasa, Dewan

Rakyat akan memulakan perbahasan selama tujuh hari ke atas titah ucapan diraja yang akan disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar pada perasmian penggal baru Dewan Rakyat dan Dewan Negara Isnin ini.

"Selepas perbahasan titah diraja, Dewan Rakyat akan membahaskan pula kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh," kata Lim.

--BERNAMA

ES NAK